



*Ruj. Tuan* :

*Ruj. Kami* : ( ) dlm. JK(02)688/17 Id. 8

*Tarikh* : 29 Mei 2013

Timbalan Ketua Pendaftar

Pendaftar Mahkamah Rayuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya


Pengarah Bahagian Pengurusan

Semua Ketua Bahagian Istana Kehakiman

Semua Pegawai Istana Kehakiman

Semua Setiausaha YAA / YA Hakim

Semua Kakitangan Istana Kehakiman



YBhg. Dato' /Tuan /Puan,

**PENGUATKUASAAN IMBASAN BAGASI DI SEMUA LALUAN MASUK BANGUNAN  
ISTANA KEHAKIMAN DAN LARANGAN PENGGUNAAN LIF KHAS YAA / YA HAKIM**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/tuan/puan sedia maklum baru-baru ini telah berlaku beberapa kejadian yang tidak diingini melibatkan penjawat awam dan juga bangunan pejabat kerajaan. Ekoran daripada kejadian-kejadian ini, pejabat ini telah mengambil beberapa langkah keselamatan di Bangunan Istana Kehakiman.
3. Sehubungan dengan itu, salah satu langkah yang diambil oleh pihak pengurusan adalah untuk menguatkuasakan imbasan bagasi kepada semua warga kerja di Istana Kehakiman bagi mengelakkan sebarang bentuk senjata berbahaya dibawa masuk ke dalam Bangunan Istana Kehakiman. Justeru itu, semua pegawai dan warga kerja Istana Kehakiman dikehendaki meletakkan bagasi yang dibawa masuk (termasuk beg tangan) di atas mesin pengimbas bagasi untuk tujuan imbasan.

...2/-

4. Di samping itu juga, hasil dari pemantauan Unit Keselamatan masih terdapat lagi pegawai dan kakitangan di Istana Kehakiman yang menggunakan perkhidmatan Lif VIP (Lif Hakim) untuk urusan seharian. YBhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum bahawa Lif VIP ini adalah lif yang dikhaskan penggunaannya kepada YAA /YA Hakim di Istana Kehakiman dan justeru itu, adalah diingatkan kepada semua warga kerja Istana Kehakiman tidak lagi menggunakan lif tersebut bagi urusan seharian YBhg. Dato'/tuan/puan. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana warga Istana Kehakiman yang didapati masih menggunakan Lif VIP tersebut.

5. Arahan-arahan ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(AZIMAH BINTI OMAR)**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

s.k. YAA Ketua Hakim Negara  
YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
YAA Hakim Besar Malaya  
YA-YA Hakim Mahkamah Persekutuan  
YA-YA Hakim Mahkamah Rayuan